


*Letter of Intent*  
SIGNING CEREMONY BETWEEN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH & ST. STEPHEN'S UNIVERSITY

DATE: 26 NOVEMBER 2012 (SABAH)  
TIME: 2.30 PM  
VENUE: BILIK MESYUARAT LEMBAGA GABENOR,  
KEDAI, CHANCELLERY BUILDING



JOHN (dua kanan) dan Shahril (dua kiri) sedang menandatangani LoI sambil diperhatikan oleh Shaharuddin (kiri).

## ► UMS meterai LoI dengan Universiti St Stephen di Kanada **Jalinan hubungan lebih baik**

UB 27.11.2012 A3

Oleh YAP SIONG HAN

sionghan\_yap@yahoo.com

KOTA KINABALU: Satu perjanjian Surat Hasrat (LoI) dimeterai di antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan Universiti St Stephen, Kanada.

Ahli Lembaga Gabenor Universiti St Stephen, John Hevans berkata perkara yang penting sekali bagi pihaknya adalah untuk membina satu hubungan yang baik dengan universitilain dan memahami rangkaian itu.

“Saya sudah datang ke UMS sejak tahun 2003 bagi membincangkan hasrat kami dalam kerjasama yang ingin dijalankan.

“Sejak hari itu, sudah beberapa kali saya kembali ke UMS bagi membincangkan pembangunan yang akan dicapai dengan naib censelor waktu itu pada tahun 2005, saya kembali lagi pada tahun 2007.

“Padatahun2009,sayatelah

meninjau keadaan di kawasan luar bandar seperti Daerah Keningau dan Tambunan untuk mengetahui budaya cara hidup masyarakat di sana,” katanya pada majlis LoI yang diadakan di sini kelmarin.

Beliau berkata, potensi yang ada di sini sangat mengembirakannya untuk meneruskan usaha LoI dengan UMS kerana kerjasama yang diadakan itu mampu mencipta satu persefahaman silang budaya di antara pelajarnya dan juga UMS.

Menurut John, Universiti St Stephen boleh dikatakan terkecil di Amerika Utara dan mungkin juga di dunia kerana pelajar yang ada kini hanyalah kurang daripada 50 orang.

“Kami adalah sebuah universiti yang liberalisasi, tidak memfokuskan kepada sains tetapi fokus kepada seni liberalatauseniklasik,falsafah sejarah bahasa Inggeris,

“Potensi yang ada di sini sangat mengembirakannya untuk meneruskan usaha LoI dengan UMS kerana kerjasama yang diadakan itu mampu mencipta satu persefahaman silang budaya di antara pelajarnya dan juga UMS. Universiti St Stephen boleh dikatakan terkecil di Amerika Utara dan mungkin juga di dunia kerana pelajar yang ada kini hanyalah kurang daripada 50 orang.”

**JOHN HEVANS**

Ahli Lembaga Gabenor Universiti St Stephen

antropologi, keagamaan di seluruh dunia, psikologi dan kajian berkaitan persilangan budaya antarabangsa.

“Dalam Ijazah Sarjana Seni, kami menawarkan empat tahun yang terdiri lapan semester kepada pelajar. Dua semester pelajar kami akan belajar di luar negara iaitu satu semester di negara Eropah dan satu semester di negara Asia Tenggara seperti Malaysia, Filipina dan Thailand,” katanya.

Tambahnya, pelajar yang dihantar ke negara Filipina

akan tinggal di inap desa di daerah yang dipilih untuk mendekatkan pelajarnya dengan kehidupan, budaya masyarakat tempatan.

Sementara itu, Dekan Sekolah Sains Sosial, Prof Madya Inon Shaharuddin Abdul Rahman berkata perkara yang penting adalah kerjasama yang dilaksanakan itu akan menampakkan keputusan yang positif di tahun-tahun akan datang.

Pihaknya juga ada menjalinkan hubungan kerjasama dengan

Universiti Mindanao, Filipina, Universiti Waseda, Jepun, Universiti National Singapura dan Universiti Negeri Padang, Indonesia.

“Ini adalah kerjasama pertama dengan universiti sedemikian dan ianya sangat penting kepada kedua belah pihak,” katanya.

Turut hadir di majlis itu ialah Timbalan Naib Canselor UMS (penyelidikan dan inovasi), Dr Shahril Yusof yang mewakili Naib Canselor, Datuk Mohd Harun Abdullah.